

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-23

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**MENGHORMATI SESAMA,  
BERTEMANKAN DUNIA DI DALAM KRISTUS**



## Mengalu-alukan

## Para Migran Di Tengah-tengah Kita

**M**engalu-alukan orang asing atau migran di tengah-tengah kita merupakan prinsip asas dan BUKAN sebagai pilihan atau ajaran Gereja semata-mata! Seorang profesor universiti pernah bertanya kepada pelajarannya, "Bagaimana jika saya membantu kamu supaya lulus cemerlang di dalam peperiksaan, berikan kamu soalan peperiksaan dengan lebih awal? Para pelajarannya bersorak gembira, kemudian dia berkata, "Adakah kamu tahu bahawa Kristus telah membantu kita lulus di dalam ujian yang dipanggil HIDUP, pada

Apabila kita mengalu-alukan orang miskin di tengah-tengah kita, kita sebenarnya mengalu-alukan Kristus sendiri untuk hadir di dalam semua situasi yang menyedihkan

– Santa Teresa dari Kolkata.

saat Dia memberikan kita soalan peperiksaan dari awal lagi? Ini dinyatakan dalam Matius 25: 31-40! Oleh itu, berikanlah makanan kepada yang lapar, berikan minuman kepada orang yang haus, **sambutlah orang asing**, berikanlah pakaian kepada yang tidak berpakaian, lawatlah orang sakit dan orang-orang yang di dalam penjara. Paus Friskus berkata, "Setiap orang asing yang mengetuk pintumu adalah merupakan peluang untuk kamu bertemu dengan Yesus Kristus, Dialah yang menyambut orang asing yang seringkali menerima penolakan." (Matius 25: 35,43)

Saudara-saudari di dalam Kristus, Tuhan mempunyai kasih sayang yang besar terhadap orang miskin. Tuhan telah memilih orang miskin di dunia ini untuk menerima kekayaan iman dan mewarisi Kerajaan-Nya (Yakobus 2: 1-5). Sebagai orang yang percaya, kita diajak untuk berkongsi kasih Tuhan yang mendalam dengan mereka yang miskin. Niat baik kita untuk membantu haruslah diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan konkrit yang bersifat penyayang. Sebagai contoh, Yesus tidak hanya sekadar berkata kepada orang pekak, "Baiklah, saya akan berdoa untuk kamu." Sebaliknya, Yesus mengambil tindakan pantas. Dia menyembuhkan orang pekak dengan berdiri disampingnya, meletakkan jarinya ke telinga lelaki itu dan menyentuh lidahnya dengan lembut. (Markus 7: 31-37).

Bagaimanakah kita, mengambil inisiatif untuk menterjemahkan cinta kita kepada Tuhan dengan mengenal pasti dengan keadaan terdesak saudara-saudari migran kita dan menyambut mereka dengan penuh keterbukaan di dalam hati, rumah, komuniti paroki dan masyarakat kita? Bolehkah kita mengatakan "hello" kepada seorang migran di dalam bahasa ibunda mereka ketika kita bertemu dengan mereka di kawasan kejiranan atau paroki? (cth. mengucapkan *Mingalabar* kepada orang Myanmar, *Namaste* kepada orang Nepal, *Salam* kepada orang Bangladesh / Pakistan dll.) Kita tidak payah menjerit untuk menarik perhatian mereka, tetapi bolehkah kita menyapa dengan hormat dan sopan dengan menyebut nama mereka? Bolehkah kita luangkan masa untuk mendengar cerita mereka, mendengar kisah kegembiraan, kebimbangan dan cabaran mereka dan menawarkan kepada mereka bantuan, secara individu atau kolektif di dalam keluarga KED atau keluarga paroki kita, sekiranya keperluan itu wujud? †

Perkataan  
mingguan  
Sambutlah  
orang asing.



### GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban  
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544  
 Emel : [serembanvisitation@gmail.com](mailto:serembanvisitation@gmail.com)  
 Laman Web : [www.visitationseremban.org](http://www.visitationseremban.org)  
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison  
 Pembantu Paderi Pembantu : Fr. Xavier Andrew

### PERMURIDAN: MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan: Menghormati orang lain dan berteman dengan dunia di dalam Kristus (September) 2018

*Kearah 170 tahun Paroki Visitation*  
**(1848 - 2018)**

### PARISH OFFICE HOURS

Isnin - Ahad  
 8.30am - 5.30 pm  
 Sabtu : 8.30am - 7.30 pm  
 Ahad: 8.30 am - 3.00 pm  
 Pengakuan di Gereja boleh dibuat ½  
Jam sebelum semua Misa mengikut kehadiran Paderi



### PROGRAM MINGGU INI 08 - 16 SEPTEMBER 2018

HARI MINGGU BIASA KE-23: Yes:35: 4-7a, Mzm 146:7.8-9a.9bc-10, Yak 2:1-5, Mrk 7:31-37  
*"Betapa megah nama-Mu, Tuhan, di seluruh bumi" (Mzm 145)*

Sab	08	5.00 pm 6.00 pm	Rosari / Novena / Benediction Misa (I) (Animation : St. Robert)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 pm in the Visitation Hall (U/S) (F. 3,4,5) Pesta Gadong : 6.00 pm : Rosari/Misa/Perarakan/ Benediction
Ahd	09	7.00 am 9.00 am 11.00 am 1.00 pm	Misa (T) (Animation : EOM) Misa (I) (Animation: Youth) Misa (C) 4.30 pm : Titi (C) Misa (BM)	RE - Tiada kelas RCIA (T) 9.00 -10.30 am ; RCIA (BM) 11.00 am -12.30pm RCIA (I) 11.00 -12.30pm ; RCIA (C) : Tiada kelas Pesta Gadong: 10.30 am : Misa Pesta
Isn	10	6.45 am	Misa	Karismatik (E) 7.30 pm di Dewan Visitationl. Semua adalah dijemput untuk memuji Tuhan.
Sel	11	6.45 am	Misa	Karismatik (C) 7.30 pm di Dewan Visitationl. Semua adalah dijemput untuk memuji Tuhan.
Rab	12	6.45 am	Misa	
Kha	13	6.45 am	Misa	Karismatik (T) 7.30 pm di Dewan Visitationl. Semua adalah dijemput untuk memuji Tuhan.
Jm	14	6.45 am	Misa	

HARI MINGGU BIASA KE-24: Yes 50:5-9a, Mzm 116:1-2.3-4.5-6.8-9, Yak 2:14-18, Mrk 8:27-35  
*"Aku boleh berjalan di hadapan Tuhan, di negeri orang-orang hidup." (Mzm 116)*

Sab	15	5.00 pm 6.00 pm	Rosari / Novena / Benediction Misa (I) (Animation : St. Stephen)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 pm in the Visitation Hall (U/S) (F. 3,4,5)
Ahd	16	7.00 am 9.00 am 11.00 am 1.00 pm	Misa (T) (Animation : Fmly Life Min) Misa (I) (Animation : Re- Form 2) Misa (C) Misa (BM)	RE - Tiada kelas RCIA (T) 9.00 -10.30 am ; RCIA (BM) 11.00 am -12.30pm RCIA (I) 11.00 -12.30pm ; RCIA(C) : Tiada kelas

Kami mengalu-alukan paroki/pelajar daripada Universiti/Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau Emel kepada kami di : [serembanvisitation@gmail.com](mailto:serembanvisitation@gmail.com). Anda akan menerima Kad Doa

### BERITA / ACARA BAGI SEPTEMBER 2018

#### i) Pungutan Mingguan Paroki :

- a) 01 / 02 September : RM9,920.20
- b) Min. of Social Concern : RM6,537.20  
 Tuhan Memberkati Semua Penderma

#### ii) Akan ada Pungutan Kedua bagi Dana Bencana Alam di Kerala minggu ini 08/09 September 2018

Tuhan Memberkati Semua Penderma

#### Berdoa bagi mereka yang telah meninggal:

- a) Benedict Jacob (d.o.d : 03/09/18)
- b) Tan Sri Gregory Chan Choon Tak (d.o.d : 03/09/18)
- c) Jenny Kat Siew Chin (d.o.d : 04/09/2018)

*Semoga cahaya abadi bersinar ke atas mereka*

- Biarawati dari Little Sisters of the Poor (LSP) akan berada di paroki kita pada 22 / 23 September untuk membuat pungutan bagi Rumah Orang Tua. Sila beri sokongan pada mereka.
- Mempunyai perancangan untuk berkahwin ? Pertama, Isi boring maklumat peribadi anda di pejabat Paroki dan berjumpa dengan Paderi Paroki (sekurang-kurangnya setahun sebelum perkahwinan)
- KEBERSIHAN GEREJA DAN KAWASAN SEKELILING. Memaku pada dinding, sticker, gam dll adalah dilarang. SELALU PASTIKAN Rumah Tuhan dikekalkan dan dijaga oleh SEMUA.
- Pakaian kemas semasa Misa - semua umat paroki, pemimpin, semua pelayan Misa perlu memastikan pakaian yang sopan, kemas & dan sesuai untuk merayakan Misa Kudus.

#### Misa Perkhawinan:

Gino Herrera & Sarah Abigail on 15/09/18 @ 11.00 am  
 Low Eng Keong & Chew Ronnie on 15 /09/2018 @ 3.30 pm

Terima kasih untuk animasi Misa: BEC St. Robert (Thivy) dan Belia untuk minggu ini.

➤ "UNITY WALK" untuk semua agama bersamaan dengan Hari Malaysia 2018. PMEIA Visitation dengan MCCBCHST NS membuat penganjuran dengan sokongan Exco Negeri YB Arul dan Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Sembilan. Semua adalah dijemput untuk aktiviti ini. (Sab. 22/9/18 @ 7.45 am di Lake Garden, Seremban, Hubungi : Christopher Krishnan - 019 6216194.  
 Pendaftaran hanya pada 8/9 Sept)

#### ➤ Ministry of the Poor - ("A Church of the Poor for the Poor" -Pope Francis). MOP - Ministry of the Poor

- Pelancarkan dan Pemberkatan untuk ahli kumpulan pada 22/23 September
- Medical Camp pada 14 Oktober 2018
- Spiritual Talk on the "Church of the Poor" oleh Rev. Fr. Xavier pada 3 Nov untuk semua umat.
- Hari Orang Miskin Sedunia (18/11/2018)  
 Makluman lanjut sila hubungi Stephen Dionisappu (016-6110681)

➤ Membuat Logo bagi St. Mary Kindergarten, Jalan Lee Sam. Semua borang yang telah diambil untuk pertandingan, sila pulangkan ke pejabat paroki pada 16 September 2018.

➤ 15 Sept 2018 (Sab) : Prayer for the Nation Malaysia (Hari Malaysia) di Gereja Calvary yang baru di Bukit Jallil @ 10.00 am - 1.00 pm. Semua dijemput datang.

➤ JPII Mission House : Kedua-dua shoptlot No. 11, & 12 di belakang Gereja sudah boleh digunakan. Ia digunakan untuk kerja-kerja Misi, Formasi, pelajar dan belia. Maklumat lanjut sila hubungi Paderi Paroki.

➤ 4 Okt 2018 (Kha) @ 7.00 pm di Gereja St. Francis of Assisi, Cheras: Konsekrasi Suci dan Dedikasi Gereja Baru- Pesta St. Francis Assisi dan Sacerdotal Ordination Anniversary yang Ke-25 untuk Biarawan Paul Cheong OFM Cap,

#### • Komuni bagi yang sakit/Homebound :

- ~ Semua EOMS harus memastikan bahawa senarai-homebound (kawasan anda/BEC) adalah dikemaskinikan sebaik-baiknya.
- ~ Komuni diberikan kepada yang sakit pada setiap minggu.
- ~ BECs/Keluarga perlu memberitahu ke pejabat paroki bagi pengurapan kepada yang sakit di rumah ataupun di hospital.  
 Sekiranya boleh, berjumpa dengan Paderi sebelum sebarang pembedahan.

• Choice English (KL): 5 (Jum) to 7 (Ahd) Oktober 2018 - [choiceklrecruitment@gmail.com](mailto:choiceklrecruitment@gmail.com)

• Retreat Paderi: Fr. George Harrison - 16-21 September 2018 (J.B.)

Fr. Xavier Andrew - 23-28 September 2018 (Cameron Highland)

• Migrant Sunday: 30/9/2018 - Misa Migran @ 1.00 pm; Fellowship selepas Misa bagi semua Migran.